

## Cabaran Golongan Pekak dalam Mempelajari Tilawah dengan Menggunakan Kod Tangan Quran

### *(The Challenges Faced by the Deaf in Learning Quranic Recitation Using Quran Hand Sign Code)*

Syar Meeze Mohd Rashid

*Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia*

Nur Syafinnas binti Srafi

*Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia*

#### Abstrak

Golongan pekak adalah golongan yang mempunyai kurang upaya dalam pendengaran. Mereka merupakan mukalaf wajib melaksanakan perintah Allah SWT. Walaupun mereka pekak tetapi mereka mempunyai hak untuk mempelajari Quran. Salah satu kaedah yang digunakan untuk mempelajari tilawah ialah Kod Tangan Quran. Oleh itu, objektif kajian ini adalah untuk mengenalpasti cabaran orang pekak dalam mempelajari tilawah dengan menggunakan Kod Tangan Quran. Kajian kes ini menggunakan pendekatan kualitatif secara temu bual separa struktur kepada lima orang pekak di Selangor. Data-data tersebut ditranskripsikan sebelum dikodkan secara tema dengan menggunakan perisian NVIVO 10. Antara tema cabaran yang dihadapi oleh orang pekak dalam mempelajari Tilawah menggunakan Kod Tangan Quran ialah guru yang mengajar kurang berkemahiran berkomunikasi menggunakan Bahasa Isyarat Malaysia, kesukaran mengingat dan memahami Kod Tangan Quran dan kesukaran mendapatkan guru Quran yang berkemahiran mengajar golongan pekak.

**Kata Kunci:** Quran, Tilawah, Kod Tangan Quran, Orang Pekak

#### Abstract

The deaf group are people who have hearing impairments. They are mukalaf who are obliged to carry out the commands of Allah SWT. Even though they are deaf, they have the right to study the Quran. One of the methods used to learn recitation is the hand code of the Quran. Therefore, the objective of this study is to identify the challenges faced by deaf people in learning to recite the Quran using the Quran Hand Sign Code. This case study used a qualitative approach through semi-structured interviews with five deaf people in Selangor. The data were transcribed before being coded thematically using the Nvivo 10 software. Among the challenges faced by deaf people in learning to recite the Quran using the hand code are the lack of communication skills of teachers who teach using Malaysian Sign Language, difficulty remembering and understanding hand code Quran and the difficulty of finding Quran teachers who are skilled in teaching the deaf.

**Keywords:** Quran, Recitation, Quran Hand Sign Code, Deaf People.

Article Progress

Received: 25 January 2024

Revised: 08 February 2024

Accepted: 22 February 2024

## 1. PENGENALAN

Pendidikan Quran adalah merupakan satu keperluan serta tuntutan bagi manusia yang bergelar Muslim (Siti Ramna & Nurul Asiah, 2021; Norakyairee, 2017 & Syar Meeze et al., 2017). Hal ini kerana, mempelajari Quran amat penting sebagai panduan hidup manusia dalam menjalani kehidupan sesuai dengan ajaran Islam (Mustafa Che Omar et al., 2015). Ajaran Quran ditujukan kepada seluruh umat manusia sebagai pedoman hidup, bukan hanya kepada golongan

atau bangsa tertentu. Selain itu, Quran tidak hanya merupakan petunjuk bagi umat Islam, tetapi berfungsi sebagai sumber inspirasi dan bimbingan untuk semua manusia, tanpa memandang latar belakang atau keyakinan mereka (Mustafa Che Omar et al., 2015). Hal ini menunjukkan bahawa mesej Quran adalah relevan dan mencakupi semua aspek kehidupan manusia pada setiap zaman dan tempat.

Oleh itu, golongan pekak juga berpeluang mempelajari Quran sama seperti golongan tipikal yang lain (Siti Ramna et al., 2021). Hal ini supaya dapat menjadi dan membentuk diri mereka menjadi seorang Muslim yang mengamalkan ajaran agama Islam dengan sempurna. Walaupun golongan pekak mempunyai kekurangan dalam mendengar dan menyebut dengan baik tetapi perkara ini tidak menjadi penghalang bagi golongan ini menguasai ilmu Quran. Malahan golongan ini sepatutnya diberikan ruang dan peluang untuk mereka mempelajari ilmu Quran mengikut kekuatan yang ada pada diri. Hal ini kerana, Allah SWT tidak akan membebani hambanya seperti mana firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah ayat 286 :

لَا يُكَلِّفُ اللَّهُ نَفْسًا إِلَّا وُسْعَهَا

**Maksudnya;** Allah tidak memberati seseorang melainkan apa yang terdaya olehnya.

(al-Baqarah, 2: 286)

Walau bagaimanapun, pendedahan mengenai pembelajaran Quran dalam komuniti pekak masih tidak mencukupi jika dibandingkan dengan golongan tipikal. (Mustafa Che Omar et al., 2015). Mereka kurang mendapat pendedahan terhadap pendidikan Quran (Zulkifli Mohd Yaakob & Nordin, 2016). Malahan stigma masyarakat yang beranggapan bahawa tiada keperluan untuk diberi pendidikan Quran kepada golongan pekak (Ahmad et al., 2018) Hal ini menyebabkan golongan ini sentiasa jauh ketinggalan dalam mendapatkan pendidikan Quran yang sewajarnya (Nafiseh et al., 2013).

## 1.1 GOLONGAN PEKAK

Antara deria yang telah dikurniakan oleh Allah SWT ialah deria pendengaran. Hal ini kerana, deria ini yang berfungsi untuk menerima bunyi-bunyi persekitaran. Menurut Abdullah Yusoff dan Che Rabiaah Mohamed (2017), pendengaran membolehkan seseorang individu untuk meniru dan membunyikan bahasa yang berada di sekeliling mereka. Apabila seseorang individu mengalami kurang upaya pendengaran akan dapat memberi impak kepada rutin harian mereka dan akan menyebabkan terganggu pada aspek komunikasi serta sosial (Mohd Zuri Ghani & Aznan Che Ahmad, 2011).

Golongan pekak adalah merupakan istilah budaya yang digunakan oleh golongan kurang upaya pendengaran. Walau bagaimanapun, menurut Muhammad Sayuti Sabdan (2016), penggunaan istilah bermasalah pendengaran lebih diterima pakai. Hal ini kerana perkataan “pekak” kurang menyenangkan bagi sesetengah individu terutamanya ibu bapa yang kurang memahami budaya golongan ini. Namun, bagi golongan ini, istilah pekak adalah satu kebanggaan bagi mereka. Malahan golongan ini tidak berasa malu dan sentiasa menggunakan istilah ini dalam kehidupan mereka (Mohd Zuri et al., 2011).

Antara bentuk komunikasi yang digunakan oleh golongan pekak adalah seperti bacaan bibir, auditori oral, auditori verbal, bahasa isyarat, pertuturan kiu dan sebagainya (Mohd Zuri

et al., 2011). Walau bagaimanapun komunikasi yang menjadi keutamaan bagi golongan ini adalah bahasa isyarat (Syar Meeze et al., 2017). Bahasa isyarat adalah merupakan bahasa visual yang digunakan oleh golongan pekak meliputi simbol bentuk tangan, ekspresi muka, bahasa badan dan mempunyai tatabahasanya yang tersendiri (Syar Meeze et al., 2017). Di Malaysia, bahasa isyarat yang digunakan oleh golongan pekak adalah Bahasa Isyarat Malaysia (BIM) (Syar Meeze et al., 2017).

## 1.2 KEPENTINGAN GOLONGAN PEKAK MEMPELAJARI QURAN

Quran merupakan panduan bagi umat Islam. Sudah menjadi kewajipan bagi umat Islam untuk mempelajari dan mempraktikkan amalan Quran dalam kehidupan seharian. Oleh itu, golongan pekak perlu diberi perhatian untuk mendekatkan diri mereka dengan Quran. Walaupun mereka tiada keupayaan dalam mendengar tetapi mereka mempunyai hak untuk mempelajari, menguasai dan memahami sekaligus mempraktikkan setiap amalan Quran sebagai panduan dalam kehidupan mereka. Firman Allah SWT dalam surah Abasa ayat 1 hingga 10;

﴿عَبَسَ وَتَوَلَّى ۝١ أَنْ جَاءَهُ الْأَعْمَى ۝٢ وَمَا يُدْرِيكَ لَعَلَّهُ يَزَّكَّى ۝٣ أَوْ يَذَّكَّرُ فَتَنْفَعَهُ الذِّكْرَى ۝٤ أَمَّا مَنْ أَسْتَعْتَى ۝٥ فَأَنْتَ لَهُ تَصَدَّى ۝٦ وَمَا عَلَيْكَ أَلَّا يَزَّكَّى ۝٧ وَأَمَّا مَنْ جَاءَكَ يَسْعَى ۝٨ وَهُوَ يَخْشَى ۝٩ فَأَنْتَ عَنْهُ تَلَهَّى ۝١٠﴾

**Maksudnya:** Dia (Muhammad) bermuka masam dan berpaling, Kerana telah datang seorang buta kepadanya, Tahukah kamu barangkali ia ingin membersihkan dirinya (dari dosa), Atau dia (ingin) mendapatkan pengajaran, lalu pengajaran itu memberi manfaat kepadanya? Adapun orang yang merasa dirinya serba cukup, Maka kamu melayaninya, Padahal tidak ada (celaan) atasmu kalau dia tidak membersihkan diri (beriman), Dan adapun orang yang datang kepadamu dengan bersegera (untuk mendapatkan pengajaran), Sedang ia takut kepada (Allah), Maka kamu mengabaikannya.

(Surah Abasa 80:1-10)

Berdasarkan ayat ini, menjelaskan bahawa Allah SWT memberi teguran kepada Baginda SAW yang sedang berusaha memberi layanan kepada beberapa orang tokoh penting Quraisy Mekah untuk mengajak mereka memeluk Islam. Hal ini menyebabkan Baginda tidak berupaya untuk memberi perhatian kepada soalan yang diajukan oleh seorang lelaki buta. Teguran ini membuktikan bahawa tiada pengabaian dan perlu diberikan kesamarataan dalam memberi layanan walaupun seseorang itu kurang upaya, miskin mahupun tidak berpengaruh (Sayyid Qutb, 2000).

Oleh itu, ayat ini juga amat bertepatan dan membuktikan bahawa golongan pekak seharusnya tidak diabaikan dalam mendapatkan pendidikan Quran yang sewajarnya (Siti Ramna & Nurul Asiah, 2021; Norakyairee, 2017). Hal ini kerana, golongan pekak adalah juga hamba Allah SWT yang memerlukan Quran sebagai panduan hidup dan membuktikan keperibadian diri Muslim yang sejati (Norakyairee, 2017).

### 1.3 KOD TANGAN QURAN

Kod Tangan Quran adalah merupakan suatu kaedah pembelajaran tilawah dalam meraikan kelainan upaya ini belajar berasaskan kekuatan visual (Siti Ramna et al., 2021). Kelainan pembelajaran komuniti istimewa ini diaplikasikan dalam membaca Quran dengan cara membaca Quran tanpa suara dengan mengisyaratkan (membatangkan) setiap huruf-huruf Quran (*Rasm Uthmani*) yang diwakili oleh Kod Tangan Quran. Dalam konteks Ilmu *Rasm*, pengecualian ini diberikan kepada peranan titik dan hamzah bagi mengelak kekeliruan OKU Pekak dalam mengenal pasti setiap bentuk huruf dan kedudukannya. Garis Panduan Kod Tangan Quran (KTQ) ini juga telah diluluskan oleh mesyuarat Panel Pakar Syariah (PPS) JAKIM kali ke-103 (Siti Ramna et al., 2021). Berikut adalah asas KTQ yang digunakan untuk OKU Pekak membaca Quran tanpa baris dan bunyi :



Rajah 1: Asas Kod Tangan Quran (KTQ)

## 2. OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ini adalah untuk mengenalpasti cabaran orang pekak dalam mempelajari Tilawah dengan menggunakan Kod Tangan Quran.

## 3. PERSOALAN KAJIAN

Apakah cabaran orang pekak dalam mempelajari Tilawah dengan menggunakan Kod Tangan Quran?

## 4. METODOLOGI

Pendekatan kajian kualitatif telah diaplikasikan di dalam kajian ini. Ia melibatkan kaedah pengumpulan data iaitu temu bual, pemerhatian dan analisis dokumen. Cresswell (1994), dalam kajian kualitatif pengkaji merupakan instrumen utama bagi mengumpulkan data secara pemerhatian, temu bual dan analisis data. Oleh itu, pengkaji sewajarnya berada dalam situasi yang dikaji. Pengkaji juga perlu mendapatkan data dengan melalui kaedah temubual,

pemerhatian dan analisis dokumen. Kajian berbentuk kualitatif normanya dijalankan kerana pengkaji ingin meneroka, membuat interpretasi dan mendapat pemahaman yang mendalam akan sesuatu isu bukan untuk menguji sesuatu hipotesis.

Secara umumnya reka bentuk kajian ini ialah kajian kualitatif. Jenis kajian kualitatif yang digunakan ialah kajian kes. Hal ini kerana, melalui kajian kes mendalam terhadap sesuatu keadaan secara terperinci (Adrijana, 2013). Berikut merupakan sampel dan prosedur analisis data kajian;

#### 4.1 Sampel kajian

Kajian ini dijalankan di Persatuan Orang Pekak Selangor Darul Ehsan yang terletak di Shah Alam Selangor. Sampel kajian adalah seramai lima orang pekak dewasa yang berusia antara 25 hingga 35 tahun. Kesemua sampel adalah berasal daripada Shah Alam, Selangor dan mereka mempunyai pengalaman mempelajari Quran bawah daripada tiga tahun. Pengkaji meletakkan sampel sebagai peserta kajian atau PK. Jadual dibawah merupakan latar belakang kesemua sampel :

Jadual 1 : Sampel Kajian Golongan Orang Pekak

| Sampel           | Jantina   | Umur | Status    | Pengalaman mempelajari Quran |
|------------------|-----------|------|-----------|------------------------------|
| Peserta kajian 1 | Lelaki    | 25   | Bujang    | 2 tahun                      |
| Peserta kajian 2 | Lelaki    | 34   | Berkahwin | 1 tahun                      |
| Peserta kajian 3 | Perempuan | 28   | Bujang    | 2 tahun                      |
| Peserta kajian 4 | Perempuan | 33   | Berkahwin | 3 tahun                      |
| Peserta kajian 5 | Perempuan | 35   | Berkahwin | 2 tahun                      |

#### 4.2 Analisis Data

Analisis data temu bual yang dijalankan kepada pakar adalah dengan menggunakan perisian NVivo 10 untuk mengklasifikasikan data-data berbentuk kualitatif. Data yang diperolehi adalah untuk menjawab persoalan kajian iaitu “Apakah cabaran orang pekak dalam mempelajari Tilawah dengan menggunakan Kod Tangan Quran?”

Setelah menjalankan temu bual kepada peserta dengan menggunakan Bahasa Isyarat Malaysia, segala temu bual direkod dan kemudian diterjemahkan dalam bahasa Melayu agar sesuai untuk diolah (Azammuddin, 2017; Othman, 2018). Penggunaan perisian NVivo 10 memudahkan pengurusan data-data kualitatif, proses pengekodan dan penganalisan tema-tema (Azammuddin, 2017).

Perisian ini adalah gabungan pengurusan yang berkesan bagi pengumpulan data yang bukan berbentuk nombor, data yang tidak berstruktur serta mengkategorikan data (Creswell, 2008). Seterusnya, data tersebut dimanipulasikan dengan melibatkan proses pemisahan, pengiraan, perbandingan dan analisis (Creswell, 2008). Selepas data diolah, rumusan dan laporan dikeluarkan dalam bentuk penyenaaran, penjadualan dan penjumlahan untuk memudahkan pengkaji membuat keputusan berkaitan dengan cabaran orang pekak mempelajari Tilawah Quran.

## 5. DAPATAN DAN PERBINCANGAN KAJIAN

Dalam melaksanakan tilawah Kod Tangan Quran, golongan pekak tidak ketinggalan berdepan dengan cabaran mempelajari tilawah. Oleh itu, berikut merupakan hasil dapatan temu bual terhadap cabaran tilawah Kod Tangan Quran yang dialami oleh kelima-lima peserta kajian :

| Cabaran  | PK 1 | PK 2 | PK 3 | PK 4 | PK 5 |
|--|------|------|------|------|------|
| <b>Tema 1 :</b>  |      |      |      |      |      |
| Guru mengajar Quran tidak berkemahiran berkomunikasi menggunakan Bahasa Isyarat Malaysia | X    |      | X    |      |      |
| <b>Tema 2 :</b>  |      |      |      |      |      |
| Kesukaran mengingat dan memahami Kod Tangan Quran  | X    | X    | X    | X    | X    |
| <b>Tema 3 :</b>  |      |      |      |      |      |
| Kesukaran mendapatkan guru yang berkemahiran menggunakan Kod Tangan Quran                | X    | X    |      | X    | X    |

(Sumber: Temu bual 2023)

### **Tema 1 : Guru mengajar Quran tidak berkemahiran berkomunikasi menggunakan Bahasa Isyarat Malaysia**

Dapatan menunjukkan bahawa guru yang mengajar Quran tidak berkemahiran berkomunikasi menggunakan Bahasa Isyarat Malaysia. Berikut merupakan pandangan daripada peserta kajian :

PK 1: “...guru Quran saya kurang mahir guna bahasa isyarat, jadi saya agak terkeliru bila dia ajar”

(TB;PK 1)

PK 3: “...saya belajar tilawah dengan ustaz normal, tapi ustaz tu kurang mahir isyarat bila terangkan kepada saya”

(TB;PK 3)

Berdasarkan dapatan menunjukkan bahawa peserta kajian berpendapat guru yang mengajar mereka kurang berkemahiran berkomunikasi menggunakan Bahasa Isyarat Malaysia. Hal ini kerana, guru yang mengajar peserta boleh mengajar tilawah tetapi untuk memberi penjelasan kepada peserta terhadap kod tangan yang diajar agak kurang difahami oleh mereka. Perkara ini menunjukkan bahawa seorang guru yang mengajar Quran seharusnya mempunyai kecekapan dalam berkomunikasi menggunakan Bahasa Isyarat Malaysia. Menurut Huzairi Awang et al., (2010), kebanyakan guru-guru agama yang mengajar kepada golongan pekak tidak berkemahiran menggunakan bahasa isyarat. Perkara ini juga disokong oleh Siti Muhibbah Nor (2010) yang mengatakan bahawa guru-guru agama tidak dapat menguasai bahasa isyarat dengan baik sehingga menyebabkan ilmu kurang disampaikan dengan baik. Kesannya menyebabkan golongan pekak kurang memahami pengajaran yang disampaikan oleh guru (Hamdi Ishak, 2010).

Sebagai seorang guru agama yang mengajar golongan pekak penguasaan Bahasa Isyarat Malaysia amatlah perlu kerana Bahasa Isyarat Malaysia merupakan medium utama komunikasi mereka (Hamdi Ishak, 2010). Kemahiran guru dalam berisyarat akan memudahkan guru menerangkan sesuatu perkara berkaitan dengan tilawah Quran secara lebih mudah dan berkesan (Hamdi Ishak, 2010<sup>a</sup>; Huzairi Awang et al., 2010; Siti Muhibbah Nor, 2010). Oleh itu, penguasaan guru dalam Bahasa Isyarat Malaysia amat penting dalam pengajaran tilawah Quran supaya golongan pekak benar-benar menghayati dan memahami penerangan guru.

## **Tema 2: Kesukaran mengingati dan memahami Kod Tangan Quran**

Berikut merupakan pandangan daripada peserta kajian :

PK 1: "...masalah hafal baca Quran dalam bahasa arab, jadi saya agak kurang ingat dan faham sebab Arab, tapi boleh kena rajin ulang."

(TB;PK 1)

PK 3: "...nak hafal susah, lambat sikit saya nak ingat sebab kod tangan bukan rumi, tapi kena rajin-rajin usaha.. "

(TB;PK 3)

PK 4: "...susah hafal sebab kena faham kod tangan dan ulang selalu...saya tak faham huruf Quran"

(TB;PK 4)

Ketiga-tiga peserta kajian menghadapi kesukaran apabila mereka ingin mengingati dan memahami Kod Tangan Quran yang dipelajari. Hal ini kerana, ketiga orang peserta tidak pernah mempunyai pengalaman terhadap tulisan bahasa arab dan tulisan ayat Quran. Oleh itu, menyebabkan mereka sukar untuk mengingati dan memahami huruf hijaiyyah itu dengan cepat. Walau bagaimanapun kesemua peserta mampu untuk mempelajarinya. Namun, mereka perlu sentiasa rajin dan melakukan pengulangan berulang kali agar mereka benar-benar mengingati kod tangan tersebut. Perkara ini disokong oleh kajian Siti Ramna et al., (2021) yang telah menjalankan kelas tadarus Quran kepada golongan pekak. Dapatan kajian tersebut mendapati bahawa proses pengulangan perlulah sentiasa dilakukan dalam mengingati Kod Tangan Quran yang diajari kepada golongan pekak. Pelbagai aktiviti dilakukan bagi memastikan golongan pekak benar-benar mengingati kod tersebut (Siti Ramna et al., 2021). Antara contoh aktiviti pengulangan yang boleh dilakukan seperti permainan kad, permainan pengulangan berpasangan, pengulangan secara semakan dengan guru, pengulangan secara penulisan dan sebagainya (Siti Ramna et al., 2021).

## **Tema 3 : Kesukaran mendapatkan guru yang berkemahiran menggunakan Kod Tangan Quran.**

Berikut merupakan dapatan yang diperolehi daripada peserta kajian :

PK 1: "*Bila hendak cari cikgu baru susah, kena tunggu cuti sekolah baru boleh belajar sekarang tak ada cikgu Quran...*"

(TB;PK 1)

PK 2: “*sekarang saya tidak belajar sebab tidak ada ustaz atau ustazah, saya kena tunggu ada program Quran pekak baru ada, tapi jarang ada*”

(TB;PK 2)

PK 3: “*...sekarang tak ada...kak baca Quran sendiri pun tak boleh...takut salah baca...tapi itulah kena tunggu ada program Quran pekak kat USIM..*”

(TB;PK 3)

PK 4: “*...tak ada...tapi kalau tak tahu saya buka buku tengok...*”

(TB;PK 4)

PK 5: “*...tiada... memang susahlah, ada kadang-kadang sebulan belajar dengan persatuan dan USIM sahaja. Belajar dengan pelajar Quran USIM*”

(TB;PK 5)

Dapatan kelima-lima peserta mendapati mereka kurang mempelajari tilawah Quran dengan guru. Hal ini kerana, mereka mempunyai kesukaran dalam mendapatkan guru yang benar-benar boleh mengajar tilawah Quran. Selain itu, mereka hanya mendapat peluang mempelajari tilawah Quran sekiranya ada program yang dianjurkan oleh persatuan atau daripada Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) sahaja. Namun, program sebegini tidak dilaksanakan selalu. Perkara ini menyebabkan peluang mereka terbatas untuk mendapatkan ilmu terhadap pendidikan Quran. Dapatan ini menunjukkan bahawa keperluan guru yang berkemahiran dalam mengajar agama dan pendidikan Quran adalah sangat penting dibangunkan. Perkara ini disokong oleh kajian Huzairi Awang et al., (2010) dan Hamdi Ishak (2010) yang mencadangkan agar memperbanyakkan dan melatih lebih ramai guru-guru yang boleh berkemahiran mengajar Quran kepada golongan pekak. Malahan setiap guru agama seharusnya mempunyai pengetahuan dalam mengajar tilawah kepada orang pekak supaya dapat memberi peluang serta kemudahan golongan ini mendapat guru untuk mereka menuntut ilmu.

## 6. CADANGAN KAJIAN

Berdasarkan dapatan, berikut merupakan cadangan pengkaji iaitu :

- i. Guru yang mengajar kepada golongan pekak terhadap pendidikan Quran seharusnya mempersiapkan diri dalam berkemahiran menggunakan Bahasa Isyarat Malaysia dengan baik dan lancar. Hal ini kerana, sekiranya guru tidak berkemahiran dalam berkomunikasi dengan menggunakan Bahasa Isyarat Malaysia akan menyukarkan kefahaman kepada golongan pekak untuk menghayati ilmu Quran dengan baik.
- ii. Pengajaran tilawah kepada golongan pekak bukan hanya sekadar mengajar mengingat kod tangan Quran semata-mata. Namun, seharusnya guru perlulah melakukan pelbagai aktiviti pengulangan sama ada pengulangan secara visual dan kinestetik. Hal ini supaya golongan ini dapat benar-benar mengingat kod tangan tersebut dan tidak teragak-agak dalam mengkodkan huruf-huruf dalam Quran.
- iii. Kelas tilawah Quran untuk orang pekak perlulah ditubuhkan supaya memberi ruang dan peluang golongan ini mendapat pendidikan Quran dengan sewajarnya dan berterusan.



## 7. PENGHARGAAN

Pengkaji ingin mengucapkan jutaan terima dan sekalung penghargaan kepada Pusat Penyelidikan Ibnu Umri Maktum, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dan Yayasan Pendidikan al-Quran bagi Anak Istimewa (Yayasan FAQEH) kerana memberi ruang dan peluang bagi menjalankan kajian ini.

## 8. KESIMPULAN

Secara keseluruhan, pengkaji mendapati bahawa pentingnya pengetahuan Kod Tangan Quran dalam tilawah Quran terhadap golongan pekak. Kajian temu bual bersama peserta kajian ini telah menyumbang terhadap perlunya guru-guru Quran yang berkemahiran dalam bahasa isyarat Malaysia dan Kod Tangan Quran supaya kemahiran yang ada ini dapat dipraktikkan kepada golongan pekak. Diharapkan juga kajian lanjutan dapat dilakukan supaya pada masa akan datang adanya satu garis panduan pengajaran tilawah Quran kepada golongan pekak dapat dihasilkan. Kerjasama dari semua pihak yang berkaitan penting agar bersama-sama dalam memastikan golongan ini tidak keciciran dalam mendapatkan pendidikan Quran sebagai panduan kehidupan seharian.

## RUJUKAN

Quran.

Abdullah Yusoff & Che Rabiaah Mohamed. (2017). *Memahami Kekacatan Bahasa dan Komunikasi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Pustaka

Abul Fida Ismail Ibn Kasir, Ad-Dimasyiqi. (2004). *Tafsir Ibn Kasir*. Terj. Bahrin Abu Bakar. L.C Sinar Baru Al-Gensedo: Bandung.

Ahmad, H., Zainuddin, N., Ali, R., Maarop, N., Yusoff, R., & Hassan, W. (2018). Augmented Reality to Memorize Quran for Hearing Impaired Students: A Preliminary Analysis. *Journal of Fundamental and Applied Sciences*, 10(28), 91-102.

Al-Ghazali. (1995). *Minhajul Abidin*. Trj. Abd. Hidayah. Surabaya: Mutiara Ilmu.

Azammuddin Zainuddin. (2017). Kesan bimbingan kelompok menggunakan modul kesejahteraan diri muaf (MKDM) terhadap kesejahteraan diri di Selangor. Tesis Dr. Fal, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Creswell, J. W. (2008). *Qualitative, Quantitative and Mixed Methods Approaches* (3rd ed.). Amerika Syarikat. International Ed.

Hamdi Ishak. (2010). *Pekak dan bisu menurut perspektif Islam*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.

Hamdi Ishak, Ab Halim Tamuri, Rosadah Abdul Majid, & Safani Bari. (2010). Amalan pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam kepada murid sekolah kebangsaan pendidikan khas masalah pendengaran: satu kajian kes. *Prosiding Seminar Penyelidikan Siswazah UKM*, 1(4), 163 – 171.

- Mohd Huzairi Awang, Hajaratul Bahti Zakaria, Bani Hidayat Mohd Shafie, Nor Hayati Fatmi Talib & Nabiroh Kassim. (2010). Persepsi pelajar bermasalah pendengaran terhadap pembelajaran fardhu ain: Cabaran terhadap guru. *Proceedings of the 4th International Conference on teacher Education: Joint Conference UPI & UPSI*. 240 – 250.
- Mohd Zuri Ghani & Aznan Che Ahmad. (2011). *Pengantar Pendidikan Khas*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Islam Malaysia.
- Muhammad Sayuti Sabdan, Norlidah Alias, Dato` Mohd Yakub @ Zulkifli Mohd Yusof, NazeanJomhari, Nor `Aziah Mohd Daud, & Noor Fadilah Md Aslie. (2016). Tinjauan Pelaksanaan Pendidikan Quran bagi Golongan Pekak di Malaysia: *Jurnal al-Turath*. Vol.1, No. 2: 43-51.
- Mustafa , C., Nik Hassan, S., Abdullah, Y., & Abdul Hakim, A. (2015). Kesukaran Mengajar dan Belajar Quran dalam Kalangan Pelajar Pekak: Isu dan Cabaran Guru Pendidikan Islam. *International Seminar on Quran in Contemporry Society* (pp. 208-221). UnisZA: Faculty of Islamic Contemporary Studies.
- Norakyairee, M., & Nurutthoilah, M. (2017). Model dan Kurikulum Pendidikan Quran Holistik bagi OKU. *Journal of Quran Sunnah Education & Special Needs*.
- Sayyid Qutb. (2000). *Tafsir Fi Zilalil Quran*. Terj. Yusoff Zaky Haji Yacob. Kuala Lumpur: Pustaka Aman Press Sdn Bhd.
- Siti Fathimatul Zahrah Yusri & A`thiroh Masyaa`il Tan Abdullah. (2015). Pengajaran Pendidikan Islam Terhadap Muallaf: Satu Tinjauan Literatur. *Prosiding Seminar Pengurusan Islam: Ke Arah Pemantapan Ummah*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia. ISBN 123-456-7890-98-7.
- Siti Ramna, K., & Nurul Asiah Fasehah, M. (2021). Keberkesanan Kaedah Tahfiz Akhyar dalam Meningkatkan Tahap Penguasaan Hafazan Quran bagi Remaja Pekak. *Journal of Quran Sunnah Education & Special Needs*.
- Siti Muhibah Nor. (2010). Kesukaran Pemahaman murid-murid bermasalah pendengaran terhadap mata pelajaran pendidikan Islam. *Proceedings First Annual Inclusive Education Practices Conference* (hh. 122 – 130).
- Syar Meeze Mohd Rashid. (2015). Reka bentuk kurikulum Bahasa Isyarat Malaysia (BIM) untuk golongan pekak bagi perkara asas fardhu ain (PAFA). Disertasi sarjana yang tidak diterbitkan, Institut Pengajian Siswazah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia.
- Syar Meeze, M., Mohd Hanafi, M., & Noraidah , S. (2017). Penggunaan Bahasa Isyarat Malaysia di dalam Terjemahaman Maksud Surah al-Fatihah. *Gema Online: Journal of Language Studies*, 17(4), 209-224
- Zulkifli , M., & Nordin, A. (2016). Memperkasakan Generasi Quran. Dalam W. Ridhoul, *Metode Menghafal Quran Saat Kuliah* (hlm. 129-144). Selangor: Darul Quran Jakim.

Syar Meeze Mohd Rashid (Corresponding author)  
Fakulti Pendidikan,  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
43600 UKM Bangi,  
Selangor Darul Ehsan, MALAYSIA  
E-mail: cikgumeeze@ukm.edu.my

Nur Syafinnas binti Srafi  
Fakulti Pendidikan,  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
43600 UKM Bangi,  
Selangor Darul Ehsan, MALAYSIA  
E-mail: nursyafinnas97@gmail.com